



KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN  
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
ARAS 2  
51 PERSIARAN PERDANA  
PRESINT 4,  
62100 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88915000  
Fax : 03-88915557  
Kawat : "MINRUMAH"  
http : //www.kpkt.gov.my  
E-mail : [pro@kpkt.gov.my](mailto:pro@kpkt.gov.my)  
Twitter : kpkt\_gov  
Facebook : Kementerian Perumahan dan  
Kerajaan Tempatan

---

Fail : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.42 (54)

Tarikh : 22 Ogos 2013

## SIARAN MEDIA

### MAKLUMAT LENGKAP DIPERLUKAN BAGI KAJIAN TERPERINCI KESESUAIAN TAPAK TAMAN PERMATA DENGKIL

**Putrajaya** – Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan hari ini telah meminta agar Kerajaan Negeri Selangor membekalkan maklumat lengkap berkaitan dengan tanah gantian yang di cadangkan. Untuk makluman Kerajaan Negeri Selangor melalui surat Setiausaha Kerajaan Negeri bertarikh 17 Julai 2013 telah menyatakan persetujuan Kerajaan Negeri untuk menyediakan tanah gantian seluas 30-34 ekar tertakluk kepada persetujuan Kerajaan Persekutuan untuk menyediakan peruntukan untuk membiayai kos pembinaan rumah-rumah teres tersebut.

Sehubungan itu, pihak Kementerian melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) telah menulis surat jawapan kepada SUK Selangor pada 21 Ogos 2013 memohon supaya maklumat lengkap tanah yang dipersetujui oleh Kerajaan Negeri diberikan bagi membolehkan pihak JPN menjalankan kajian yang lebih terperinci melibatkan kesesuaian tapak dan perancangan kos serta pembangunan yang perlu dan boleh dilaksanakan di atas tanah yang dicadangkan.

Selain itu, pihak JPN juga di dalam perancangan untuk mewujudkan satu kumpulan yang terdiri daripada pegawai/kakitangan JPN dan KPKT serta melibatkan penyertaan pegawai/kakitangan daripada Pejabat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Antara objektif penubuhan kumpulan ini adalah untuk merangka dan menjalankan soal selidik kepada kesemua penduduk untuk melihat kecenderungan mereka sama ada sanggup berpindah atau tidak sekiranya penempatan baru disediakan oleh pihak Kerajaan.

Dalam pada itu juga baru-baru ini pihak Kementerian melalui Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara telah melaksanakan kerja-kerja pembersihan menyeluruh di kawasan flat tersebut. JPSPN telah mengarahkan Syarikat Konsesi Alam Flora Sdn Bhd melaksanakan kerja-kerja pembersihan walaupun negeri tersebut masih belum melaksanakan penswastan sisa pepejal. Di antara kerja-kerja pembersihan yang dilakukan termasuklah pengurusan sisa pepejal, sapuan jalan, kutipan sisa pukal dan sisa kebun yang tidak dikutip dengan sempurna oleh kontraktor yang dilantik di kawasan berkenaan.

---

Dikeluarkan Oleh : Jessylina Mat Lazim Ketua Unit Komunikasi Korporat

b.p. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan